

Penduduk cemas dilanda banjir kilat

Oleh NUR AISHAH MOHD AMIN
dan NADIA SHAFUL BAHARI
berita@kosmo.com.my

SERDANG – Lebih 800 pelajar dari Sekolah Menengah Seri Indah (SMKSI) dan Sekolah Kebangsaan Seri Serdang (SKSS) di sini berdepan detik-detik cemas apabila bangunan kedua-dua sekolah tersebut dinaiki air dalam kejadian banjir kilat petang semalam.

Dalam kejadian itu, lebih 30 buah kereta guru dan kakitangan sekolah ditenggelami air sedalam satu meter.

Seorang ibu kepada murid di SKSS, Sofia Zirmawaty Mohd. Amin, 35, berkata, dia terperanjat apabila melihat air naik hingga ke paras pinggang ketika ingin menjemput anaknya di sekolah itu pada pukul 6.30 petang.

“Air naik dengan cepat dan ada beberapa murid yang tidak sempat membawa beg sekolah ketika menyelamatkan diri. Syukurlah kerana semua murid selamat,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurut murid tahun dua SKSS, Mardhiatul Husna Yahya, 8, dia dan rakan-rakannya menangis ketakutan apabila melihat air naik secara tiba-tiba di bilik darjah mereka yang terletak di tingkat bawah.



BEBERAPA buah rumah dinaiki air akibat banjir kilat di Taman Seri Serdang semalam.

“Kami panik kerana tidak pernah lihat kejadian seperti ini. Bagaimanapun, kami berjaya menyelamatkan diri apabila diminta naik ke tingkat atas oleh guru,” katanya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd. Sani Harul berkata, dalam banjir kilat itu beberapa kawasan di sekitar Serdang dinaiki air sedalam kira-kira satu meter.

“Pemantauan di Kajang pula menunjukkan keadaan air berada pada paras berjaga-jaga dan hanya melibatkan kawasan perumahan di Jed Hill dan Sungai Chua,” ujarnya.

Difahamkan, kira-kira 120 rumah, 100 buah kereta dan 30 buah kedai ditenggelami air sedalam satu meter dan air mula surut kira-kira pukul 11 malam tadi.